

UMT kaji hasilkan ejen pembakar lemak kepala udang

UM 22/04/08 Pg. 26

KUALA TERENGGANU 21 April - Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan French Institute of Research for Exploration of the Sea (IFREMER) bersetuju untuk mengadakan kajian bagi meningkatkan potensi penggunaan sisa buangan kepala udang kecil sebagai baja dan ejen pembakar lemak (chitosan).

Kajian berkenaan akan dilakukan berikutan terdapat banyak sisa buangan kepala udang yang mempunyai potensi untuk dikomersialkan.

Persetujuan untuk mengadakan kerjasama itu dimeterai melalui memorandum persefahaman (MoU) antara kedua-dua pihak di UMT hari ini.

MoU tersebut antara lain bertujuan bagi mensasarkan kemajuan teknologi global dalam bidang penerokaan mampan produk akuatik.

UMT diwakili oleh Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr. Sulaiman Yassin manakala IFREMER diwakili Dr. J.P Berge.

Menurut Sulaiman, penggunaan sisa buangan kepala udang sebagai bahan kitar semula mampu menghasilkan baja dan juga chitosan yang memberi pendapatan kepada penduduk setempat.

"Chitosan jika dipakai boleh memansakan badan seterusnya membakar lemak dan sering digunakan terhadap produk untuk menguruskan badan," ujarnya, di sini, semalam.

Menurutnya, UMT telah menghantar dua orang pelajar dan dua penyelidik untuk mengikuti kursus selama enam



DR. Sulaiman Yassin (kiri) bersalaman sambil bertukar dokumen persefahaman dengan Dr. J.P. Berge di Kuala Terengganu, semalam.

bulan di IFREMER di Perancis bagi mendalami hal-hal berkaitan penerokaan produk akuatik itu.

"Kerjasama ini sejajar dengan matlamat kerajaan untuk meningkatkan prestasi dan daya saing dalam sektor penyelidikan global yang semakin kompetitif.

"UMT melalui Institut Bioteknologi Marin (IMB) telah diberi peluang untuk melaksanakan projek kerjasama

ini," ujarnya.

Dalam pada itu, jelasnya, UMT dan IFREMER juga berhasrat untuk menjalankan beberapa program lain yang bermanfaat kepada kedua-dua pihak.

Beliau berkata, UMT berharap dapat memperluaskan lagi penerokaan berkaitan penggunaan kitar semula akuatik melibatkan spesies hidupan laut yang lain.